



LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN
PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN TAHUN 2025

Tarikh Kemas Kini: 27 Disember 2024
Hak Cipta Terpelihara © 2024/2025

KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN (PSAG)	3
A.1 Pengenalan PSAG.....	3
A.2 Sukatan Pelajaran PSAG.....	4
A.3 Soalan PSAG.....	4
BAHAGIAN B: SYARAT-SYARAT KEMASUKAN PSAG	7
B.1 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya	7
B.2 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf dengannya.....	9
B.3 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi pemegang kelayakan <i>Unified Examination Certificate</i> (UEC)	12
B.4 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi Pelajar Matang (<i>Mature Student</i>)	13
B.5 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti/Institusi/Badan di Malaysia, United Kingdom, Australia dan New Zealand	13
BAHAGIAN C: PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PSAG	19
C.1 Manual Pengguna Sistem Permohonan PSAG.....	19
C.2 Senarai dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama permohonan PSAG.....	19
C.3 Kriteria-kriteria dokumen bagi permohonan PSAG	23
BAHAGIAN D: PEMBAYARAN YURAN-YURAN PSAG	24
D.1 Yuran Pemprosesan.....	24
D.2 Yuran Pendaftaran dan Yuran Peperiksaan.....	24
BAHAGIAN E: TEMPOH PENDAFTARAN PSAG DAN BILANGAN PERCUBAAN PSAG	26
BAHAGIAN F: PINDAAN	27

BAHAGIAN A: PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN (PSAG)

A.1 Pengenalan PSAG

- A.1.1 Salah satu kelayakan untuk menjadikan seseorang itu “orang berkelayakan” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*] bagi tujuan penerimaan masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi di Malaya ialah Sijil Amalan Guaman yang diperoleh setelah lulus PSAG yang dijalankan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia (Lembaga).
- A.1.2 PSAG hanya terbuka kepada warganegara Persekutuan atau pemastautin tetap Malaysia serta warganegara Brunei Darussalam yang memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (ijazah undang-undang) yang dianugerahkan oleh universiti-universiti di Malaysia, United Kingdom, Australia dan New Zealand yang diiktiraf oleh Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3 perenggan B.5.1.
- A.1.3 Pemohon yang diterima dan didaftarkan sebagai calon PSAG boleh membuat persiapan sendiri atau mengikuti kursus pengajian PSAG di mana-mana institusi pengajian awam atau swasta yang menawarkan kursus tersebut. Lembaga tidak menjalankan kursus pengajian PSAG dan tidak mengiktiraf mana-mana institusi pengajian awam atau swasta sebagai badan rasmi untuk menjalankan kursus pengajian tersebut.
- A.1.4 Lembaga hanya mengendalikan hal-hal berkaitan dengan PSAG seperti yang berikut:
- (a) memproses permohonan pemohon;
 - (b) mendaftarkan pemohon yang layak sebagai calon;
 - (c) menyediakan sukatan pelajaran;
 - (d) menyediakan kertas soalan;
 - (e) menguruskan dan menjalankan peperiksaan;
 - (f) mengagihkan skrip jawapan kepada pemeriksa untuk pemarkahan;
 - (g) memproses dan mengumumkan keputusan;
 - (h) menyediakan dan mengeluarkan Sijil Amalan Guaman; dan
 - (i) menguruskan Majlis Konvokesyen.

A.1.5 PSAG diadakan dua (2) kali setahun iaitu **PSAG Utama** dan **PSAG Tambahan**. Calon-calon akan dimaklumkan mengenai jadual waktu dan tarikh bagi Peperiksaan Utama dan PSAG Tambahan melalui pengumuman yang akan dibuat oleh pejabat Lembaga dalam Portal Rasmi Lembaga.

A.2 Sukatan Pelajaran PSAG

A.2.1 Sukatan Pelajaran PSAG akan ditentukan dan disediakan oleh Lembaga.

A.2.2 Calon yang telah berdaftar boleh mengakses Sukatan Pelajaran PSAG secara dalam talian melalui Sistem Permohonan PSAG sebagai panduan dan rujukan bagi persediaan menghadapi PSAG.

A.2.3 **Kesemua soalan PSAG bagi kelima-lima mata pelajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan A.3.1 disediakan berdasarkan Sukatan Pelajaran PSAG.**

A.3 Soalan PSAG

A.3.1 PSAG merangkumi lima (5) mata pelajaran seperti yang berikut:

- (a) Kertas Am;
- (b) Prosedur Sivil;
- (c) Prosedur Jenayah;
- (d) Keterangan; dan
- (e) Amalan Profesional.

A.3.2 Tempoh peperiksaan untuk setiap mata pelajaran PSAG ialah selama **tiga (3) jam**. Calon akan diberikan masa selama **dua puluh (20) minit** untuk membaca soalan bagi setiap mata pelajaran sebelum peperiksaan dimulakan.

A.3.3 Bentuk soalan PSAG bagi kelima-lima mata pelajaran adalah seperti yang berikut:

(a) Kertas Am

Kertas soalan ini mengandungi dua (2) soalan. **Calon dikehendaki menjawab kedua-dua soalan tersebut.** Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai Undang-Undang Kontrak dan Tort. Calon akan dikehendaki untuk

memberikan nasihat dan mendraf pliding bagi kes yang melibatkan Undang-Undang Kontrak dan Tort;

(b) Prosedur Sivil

Kertas soalan ini mengandungi tujuh (7) soalan. **Calon dikehendaki menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini. Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai prosedur sivil di semua peringkat mahkamah (Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan);

(c) Prosedur Jenayah

Kertas soalan ini mengandungi tujuh (7) soalan. **Calon dikehendaki menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini. Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai prosedur jenayah di semua peringkat mahkamah (Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan);

(d) Keterangan

Kertas soalan ini mengandungi tujuh (7) soalan. **Calon dikehendaki menjawab satu (1) soalan wajib dan mana-mana tiga (3) soalan lain** bagi kertas ini. Calon akan diuji dari segi pengetahuan praktikal mengenai Undang-Undang Keterangan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Keterangan 1950 [Akta 56]; dan

(e) Amalan Profesional

Kertas soalan ini mengandungi sembilan (9) soalan. **Calon dikehendaki menjawab dua (2) soalan daripada Bahagian A dan tiga (3) soalan daripada Bahagian B seperti yang berikut:**

(i) Bahagian A:

- Kepeguaman dan Kewajipan Peguam; dan
- Etika Profesion Undang-Undang,

(ii) Bahagian B:

- Undang-Undang Tanah dan Urusan Tanah;
- Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat; dan
- Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka.

A.3.4 Apa-apa pengecualian daripada menduduki mana-mana mata pelajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan A.3.1 **tidak dibenarkan.**

BAHAGIAN B: SYARAT-SYARAT KEMASUKAN PSAG

B.1 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya

B.1.1 Pemohon dikehendaki memperoleh kelayakan SPM atau salah satu kelayakan yang setaraf dengan kelayakan SPM yang diiktiraf oleh Lembaga bagi menduduki PSAG seperti yang berikut:

JADUAL 1

BIL.	KELAYAKAN YANG SETARAF DENGAN SPM
1.	<i>Malaysia Certificate of Education (MCE)</i>
2.	<i>General Certificate of Education (GCE) Ordinary Level (O-Level) examinations by the U.K. Boards:</i> <i>(a) Cambridge International Examination: International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) O-Level</i> <i>(b) Brunei Cambridge GCE O-Level</i> <i>(c) Singapore Cambridge GCE O-Level</i> <i>(d) Pearson Edexcel</i> <i>(e) Assessment and Qualifications Alliance (AQA)</i> <i>(f) Oxford, Cambridge and RSA Exams (OCR)</i> <i>(g) Welsh Joint Examinations Committee (WJEC)</i> <i>(h) Council for Curriculum and Examinations Assessment (CCEA)</i>
3.	<i>School Certificate Examination in Australia - Year 10/ Year 11:</i> <i>(a) Australian Capital Territory: Year 10 Certificate</i> <i>(b) New South Wales: Year 10 Certificate</i> <i>(c) Northern Territory: Junior Secondary Studies Certificate - Year 10 (dianugerahkan oleh Northern Territory Board of Studies sehingga tahun 1999)</i> <i>(d) Queensland: Year 10 Certificate (menggantikan Junior Certificate)</i>

BIL.	KELAYAKAN YANG SETARAF DENGAN SPM
	<i>(e) Tasmanian Certificate of Education (TCE)</i> (menggantikan <i>School Certificate - Year 10</i> sehingga tahun 1990)
4.	<i>National Certificate in Educational Achievement (NCEA) Level 2</i> (menggantikan <i>Sixth Form School Certificate Examination for New Zealand Secondary Schools – Form 6</i> pada tahun 2003)
5.	<i>High School Diploma (American Curriculum)</i> (bagi kemasukan pelajar sebelum atau pada tahun 2014)

- B.1.2 Bagi pemohon yang mendaftar ke program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga (sebagaimana dalam Jadual 3) **sebelum 5 Jun 2018**, pemohon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya **tiga (3) kepujian** dalam SPM atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dalam **satu (1) peperiksaan yang sama**.
- B.1.3 Bagi pemohon yang mendaftar ke program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga (sebagaimana dalam Jadual 3) **selepas 5 Jun 2018**, pemohon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya **lima (5) kepujian** dalam SPM atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dalam **satu (1) peperiksaan yang sama**.
- B.1.4 Lembaga tidak menerima mana-mana kelayakan SPM atau yang setaraf dengannya (sebagaimana dalam Jadual 1) yang diperoleh **selepas** pemohon mendaftar program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **semasa** pemohon menjalani program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **selepas** pemohon memperoleh penganugerahan ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga.
- B.1.5 Sijil kelayakan yang setaraf dengan SPM yang tidak tersenarai dalam Jadual 1 di atas **tidak diterima** bagi tujuan menduduki PSAG.

B.2 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf dengannya

B.2.1 Pemohon dikehendaki memperoleh kelayakan STPM atau salah satu kelayakan yang setaraf dengan kelayakan STPM yang diiktiraf oleh Lembaga bagi menduduki PSAG seperti yang berikut:

IADUAL 2

BIL.	KELAYAKAN YANG SETARAF DENGAN STPM
1.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (sekurang-kurangnya Lulus [Maqbul])
2.	<i>Higher School Certificate (HSC)</i>
3.	<i>Advanced Level (at least two (2) passes at A-Level) by the U.K. Boards:</i> <i>(a) Cambridge International Examination:</i> <i>International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) A-Level</i> <i>(b) Brunei Cambridge GCE A-Level</i> <i>(c) Singapore Cambridge GCE A-Level</i> <i>(d) Pearson Edexcel</i> <i>(e) Assessment and Qualifications Alliance (AQA)</i> <i>(f) Oxford, Cambridge and RSA Exams (OCR)</i> <i>(g) Welsh Joint Examinations Committee (WJEC)</i> <i>(h) Council for Curriculum and Examinations Assessment (CCEA)</i>
4.	<i>Australian Matriculation Examination:</i> <i>(a) Australian Matriculation Examination: Australian Matriculation Programme (AUSMAT)</i> <i>(b) South Australian Matriculation (SAM) dengan kerjasama Senior Secondary Assessment Board of South Australia (SSABSA)</i>
5.	<i>School Certificate Examination in Australia - Year 12:</i> <i>(a) Australian Capital Territory: Year 12 Certificate</i>

BIL.	KELAYAKAN YANG SETARAF DENGAN STPM
	<p><i>(b) New South Wales Higher School Certificate</i></p> <p><i>(c) Northern Territory Certificate of Education (NTCE)</i> (menggantikan <i>South Australian Certificate of Education - Year 12</i> pada tahun 1995)</p> <p><i>(d) Queensland Senior Certificate</i></p> <p><i>(e) South Australian Certificate of Education (SACE)</i> (menggantikan <i>Certificate of Achievement - Year 12</i> pada tahun 1993)</p> <p><i>(f) Tasmanian Certificate of Education (TCE)</i> (menggantikan <i>HSC - Year 12</i> pada tahun 1990)</p> <p><i>(g) Victorian Certificate of Education (VCE)</i> (menggantikan <i>HSC</i> pada tahun 1992)</p> <p><i>(h) Western Australia Certificate of Education (WACE)</i> bermula tahun 1997</p>
6.	<p><i>New Zealand University Entrance Level 3:</i> (menggantikan <i>New Zealand Bursaries Examination – Form 7</i> pada tahun 2004)</p>
7.	<p><i>International Baccalaureate Diploma (IB)</i></p>
8.	<p><i>High School Diploma (American Curriculum)</i> (bagi kemasukan pelajar mulai tahun 2015 dan seterusnya sahaja)</p>
9.	<p>Kursus Asas (<i>Foundation</i>) daripada Universiti Awam (UA), Malaysia</p>
10.	<p>Kursus Asas (<i>Foundation</i>) daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Malaysia*</p>
11.	<p>Sijil Matrikulasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</p>
12.	<p>Diploma daripada Universiti Awam (UA), Malaysia</p>
13.	<p>Diploma daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Malaysia*</p>
14.	<p>Ijazah pertama daripada Universiti Awam (UA), Malaysia</p>
15.	<p>Ijazah pertama daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara dan luar negara*</p>

- B.2.2 Sekiranya pemohon memperoleh **kelayakan STPM**, pemohon dikehendaki memperoleh pencapaian **dua (2) “Lulus Penuh” dalam satu (1) peperiksaan yang sama.**
- B.2.3 Sekiranya pemohon memperoleh **kelayakan A-Level**, pemohon dikehendaki memperoleh pencapaian **dua (2) “Passes in Advanced Level” dalam satu (1) peperiksaan yang sama.** Pencapaian **“Advanced Subsidiary”** dalam kelayakan **A-Level tidak diterima.**
- B.2.4 Tempoh kursus STPM atau *A-Level* hendaklah minimum **satu (1) tahun akademik.**
- B.2.5 Pemohon yang memperoleh kelayakan yang setaraf dengan STPM yang diiktiraf oleh Lembaga **selain A-Level** perlu memperoleh pencapaian **“Lulus” keseluruhan** dalam kelayakan tersebut dalam **satu (1) peperiksaan yang sama.**
- B.2.6 Sekiranya pemohon memperoleh **kelayakan yang bertanda * sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2**, pemohon perlu memastikan kelayakan tersebut **telah diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** dengan membuat semakan melalui pautan seperti yang berikut:
- <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>; atau
 - <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>.
- B.2.7 Lembaga tidak menerima mana-mana kelayakan STPM atau yang setaraf dengannya (sebagaimana dalam Jadual 2) yang diperoleh **selepas** pemohon mendaftar program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **semasa** pemohon menjalani program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **selepas** pemohon memperoleh penganugerahan ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga.
- B.2.8 Sijil kelayakan yang setaraf dengan STPM yang tidak tersenarai dalam Jadual 2 di atas **tidak diterima** bagi tujuan menduduki PSAG.

B.3 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi pemegang kelayakan *Unified Examination Certificate (UEC)*

B.3.1 Bagi pemohon yang merupakan pemegang kelayakan UEC yang telah mendaftar program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga (sebagaimana dalam Jadual 3) **sebelum 5 Jun 2018**, pemohon dikehendaki memperoleh **salah satu gabungan kelayakan** seperti yang berikut:

- (a) SPM/*O-Level* (3 Kepujian) **dan** UEC (2 Lulus);
- (b) UEC (3 Kepujian) **dan** STPM (2 Lulus Penuh); atau
- (c) UEC (3 Kepujian) **dan** *A-Level (2 Passes in Advanced Level)*.

B.3.2 Setiap kelayakan yang dinyatakan dalam perenggan B.3.1 (a), (b) dan (c) hendaklah diperoleh dalam **satu (1) peperiksaan yang sama** masing-masing.

B.3.3 Bagi pemohon yang merupakan pemegang kelayakan UEC yang telah mendaftar ke program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga (sebagaimana dalam Jadual 3) **selepas 5 Jun 2018**, pemohon dikehendaki memperoleh kelayakan seperti yang berikut:

- (a) **SPM atau yang setaraf dengannya** (sebagaimana dalam Jadual 1) dengan pencapaian **lima (5) kepujian** yang diperoleh dalam **satu (1) peperiksaan yang sama**; dan
- (b) **UEC pada tahap *Senior Middle 3*** dalam **satu (1) peperiksaan yang sama**.

B.3.4 Lembaga tidak menerima mana-mana kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan B.3.1 dan B.3.3 di atas yang diperoleh **selepas** pemohon mendaftar program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **semasa** pemohon menjalani program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga atau **selepas** pemohon memperoleh penganugerahan ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga.

B.4 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi Pelajar Matang (*Mature Student*)

B.4.1 Bagi pemohon yang merupakan Pelajar Matang, pemohon dikehendaki memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) Pemohon perlu –
 - (i) memperoleh **kelayakan SPM atau yang setaraf dengannya** sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1;
 - (ii) memenuhi **syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan B.1.2 atau B.1.3**, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (iii) memenuhi **syarat yang dinyatakan dalam perenggan B.1.4**,
- (b) Pemohon perlu **memperoleh pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam apa-apa bidang sebelum mendaftar program ijazah undang-undang yang diiktiraf oleh Lembaga.**

B.5 Syarat-syarat kemasukan PSAG bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti/Institusi/Badan di Malaysia, United Kingdom, Australia dan New Zealand

B.5.1 Pemohon dikehendaki memperoleh ijazah undang-undang yang dianugerahkan oleh universiti-universiti di Malaysia, United Kingdom, Australia atau New Zealand yang diiktiraf oleh Lembaga seperti yang berikut:

JADUAL 3

NEGARA	UNIVERSITI/ INSTITUSI/ BADAN	KELAYAKAN	TARIKH KUAT KUASA
Malaysia	1. Universiti Malaya	<i>Bachelor of Jurisprudence (External)</i>	18 Mac 1996
	2. Universiti Teknologi MARA	<i>Bachelor of Legal Studies (Hons)</i>	6 Disember 2007
	3. Universiti Sultan Zainal Abidin	<i>Bachelor of Laws (Hons)</i> (bagi graduan yang tamat sebelum 2015)	19 Februari 2016
	4. Universiti Sains Islam Malaysia	<i>Bachelor of Syariah and Law (Hons)</i>	24 April 2016
	5. Taylor's University	<i>Bachelor of Laws</i>	19 Februari 2016

NEGARA	UNIVERSITI/ INSTITUSI/ BADAN	KELAYAKAN	TARIKH KUAT KUASA	
	6. Help University	<i>Bachelor of Laws</i> (Bagi graduan yang mendaftar bermula Januari 2014)	26 Jun 2019	
	7. University of Reading Malaysia	<i>Bachelor of Laws</i> (Bagi graduan bermula daripada kohort pertama yang telah mendaftar LL.B pada September 2019)	14 Disember 2023	
United Kingdom	1. University of Birmingham	LL.B	1 Januari 2001	
	2. University of Bristol	LL.B		
	3. University of Cambridge	B.A. (<i>Law Tripos</i>)		
	4. University of East Anglia	LL.B		
	5. University of Essex	LL.B		
	6. University of Exeter	LL.B		
	7. University of Hertfordshire	LL.B		
	8. University of Hull	LL.B		
	9. University of Leeds	LL.B		
	10. University of Leicester	LL.B		
	11. University of Liverpool	LL.B		
	<u>University of London:</u>			LL.B
	12. London School of Economics and Political Science			
	13. School of Oriental & African Studies			
	14. Queen Mary University of London			
	15. King's College London			
	16. University College London			
	17. University of Manchester	LL.B		
	18. University of Northumbria at Newcastle	LL.B		
	19. University of Nottingham	LL.B		
	20. Nottingham Trent University	LL.B		
	21. Oxford Brookes University	LL.B		
	22. University of Oxford	B.A. (<i>Jurisprudence</i>)		
	23. Queen's University Belfast	LL.B		
	24. University of Reading	LL.B		
	25. University of Sheffield	LL.B		
	26. University of Southampton	LL.B		
27. Aberystwyth University	LL.B			

NEGARA	UNIVERSITI/ INSTITUSI/ BADAN	KELAYAKAN	TARIKH KUAT KUASA
	28. Cardiff University	LL.B	
	29. University of Warwick	LL.B	
	30. University of West of England in Bristol	LL.B	
United Kingdom	University of London	LL.B (<i>External</i>)	26 Disember 2001
Australia	1. University of Adelaide	LL.B	1 Mei 1999
	2. Australian National University	LL.B	
	3. Macquarie University	LL.B	
	4. Monash University	LL.B	
	5. University of Melbourne	LL.B	
		<i>JURIS DOCTOR (JD)</i> (bagi graduan yang mendaftar LL.B/JD mulai tahun 2008)	
	6. University of New South Wales	LL.B	
	7. University of Queensland	LL.B	
	8. University of Sydney	LL.B	
	9. University of Tasmania	LL.B	
	10. University of Western, Australia	LL.B/ <i>JURIS DOCTOR (JD)</i> (bagi graduan yang mendaftar program mulai tahun 2013)	
	11. University of Technology, Sydney	LL.B	
	12. Bond University, Queensland	LL.B	
	13. Murdoch University	LL.B	
14. Queensland University of Technology	LL.B		
New Zealand	1. University of Auckland	LL.B	1 Mei 1999
	2. University of Canterbury	LL.B	
	3. University of Otago	LL.B	
	4. Victoria University of Wellington	LL.B	
	5. University of Waikato	LL.B	

B.5.2 Bagi pemohon yang merupakan pemegang ijazah undang-undang daripada universiti-universiti sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 3 di atas, pemohon hendaklah menduduki dan lulus PSAG sebelum menjadi orang berkelayakan di bawah Akta 166.

B.5.3 Bagi pemohon yang merupakan pemegang ijazah undang-undang daripada universiti-universiti di United Kingdom yang diiktiraf oleh Lembaga sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 3 di atas, pemohon MESTILAH memenuhi semua syarat sebagaimana yang terkandung dalam “*New Guidelines on Qualifications and Requirements to Qualify to sit for the Malaysian Certificate in Legal Practice (CLP) Examination (for Law Degrees from the United Kingdom)*” (**UK Guidelines**)^[1] yang dikeluarkan oleh Lembaga pada 18 Mac 1995 yang juga boleh diperoleh dalam Portal Rasmi Lembaga, dibaca bersama-sama **Press Release**^[2]/**Clarification**^[3]/**Press Statement**^[4] yang juga dikeluarkan oleh Lembaga.

B.5.4 Mulai **1 Mei 1999**, bagi pemohon yang merupakan pemegang ijazah undang-undang daripada universiti-universiti di Australia dan New Zealand sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 3 di atas, pemohon hendaklah menduduki dan lulus PSAG sebelum menjadi orang berkelayakan di bawah Akta 166. Pemegang ijazah undang-undang ini MESTILAH memenuhi semua syarat yang terkandung dalam “*Guidelines on Qualifications and Requirements for Recognition of Holders of Australian and New Zealand Law Degrees to become ‘Qualified Persons’ under the Legal Profession Act 1976*” (**ANZ Guidelines**)^[5] yang dikeluarkan oleh Lembaga pada 30 April 1998 yang juga boleh diperoleh dalam Portal Rasmi Lembaga, dibaca bersama-sama **Press Statement**^[6].

B.5.5 **Ijazah undang-undang** yang diperoleh oleh pemohon hendaklah memenuhi **kriteria-kriteria** yang ditetapkan oleh Lembaga seperti yang berikut:

- (a) Tempoh pengajian ialah **minimum tiga (3) tahun akademik**;
- (b) **Minimum dua belas (12) mata pelajaran** undang-undang telah dipelajari dan daripadanya telah **lulus enam (6) mata pelajaran teras**^[7] iaitu **Undang-Undang Kontrak, Undang-Undang Tort, Undang-Undang Perlembagaan, Undang-Undang Jenayah, Undang-Undang Tanah**, dan

[1] [UK Guidelines](#)

[2] [Press Release: "New List of Recognised Law Degrees \(LL.B.\) from the United Kingdom" \(5th December 1999\)](#)

[3] ["Clarification on Specific Areas in the UK New Guidelines"](#)

[4] [Press Statement: No 1/98 "Twinning Programmes" \(7th March 1998\)](#)

[5] [ANZ Guidelines](#)

[6] [Press Statement No.2-98 "Guidelines for Recognition of Australian and New Zealand Law Degrees" \(30 April 1998\)](#)

[7] ["A Statement on Six Core Subjects" \(17th June 2005\)](#)

Undang-Undang Ekuiti & Amanah dan tempoh pembelajaran bagi setiap satu (1) mata pelajaran teras tersebut ialah **satu (1) tahun akademik**;

(c) Pencapaian "*Compensated Pass*"/"*Condoned Pass*" atau yang **seumpamanya** bagi mata pelajaran teras sebagaimana yang disenaraikan dalam perenggan (b) di atas **tidak diterima** bagi tujuan menduduki PSAG; dan

(d) **Ijazah undang-undang hendaklah dianugerahkan dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh pendaftaran pertama** dalam program ijazah undang-undang tersebut **kecuali ijazah undang-undang sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan B.5.6, B.5.7, B.5.8 dan B.5.9**

B.5.6 Bagi pemohon yang merupakan pemegang **ijazah *Bachelor of Jurisprudence (External)*, Universiti Malaya**, pemohon tersebut dibenarkan **menamatkan pengajian dalam tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh pendaftaran pertama** dalam program ijazah undang-undang tersebut.

B.5.7 Bagi pemohon yang merupakan pemegang **ijazah *Bachelor of Legal Studies (Hons) (BLS (Hons))*, Universiti Teknologi MARA (UiTM)** secara Pengajian Luar Kampus (*Off Campus*) yang memperoleh ijazah tersebut **pada atau selepas bulan Disember 2002**, pemohon tersebut **dibenarkan menamatkan pengajian dalam tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh pendaftaran pertama** dalam program ijazah undang-undang tersebut.

B.5.8 Bagi pemohon yang merupakan pemegang **ijazah *Bachelor of Laws, University of London (External)*** yang mendaftar bagi program tersebut **sebelum 1 September 2016**, pemohon tersebut dibenarkan menamatkan pengajian dalam tempoh **maksimum tujuh (7) tahun yang dikira dari tahun pertama akademik**^[8].

^[8] [Pengumuman: "Tempoh Penganugerahan ijazah LLB University of London \(*External*\) maximum tujuh \(7\) tahun" \(28 September 2010\)](#)

- B.5.9 Bagi pemohon yang merupakan pemegang **ijazah *Bachelor of Laws, University of London (External)*** yang mendaftar bagi program tersebut **selepas 1 September 2016**, pemohon tersebut dibenarkan menamatkan pengajian dalam tempoh **maksimum enam (6) tahun yang dikira dari tahun pendaftaran pertama**.
- B.5.10 Bagi pemohon yang telah mendaftar untuk mengikuti program **ijazah *Bachelor of Laws, University of London (External)*** –
- (a) **sebelum 31 Disember 2001**, pemohon tersebut layak menduduki PSAG sekiranya **memperoleh sekurang-kurangnya Kelas Tiga (3)** dalam program tersebut; atau
 - (b) **selepas 31 Disember 2001**, pemohon tersebut layak menduduki PSAG sekiranya **memperoleh sekurang-kurangnya Kelas Dua Rendah^[9]** dalam program tersebut.

^[9] [Press Release 26th December 2001: "Second Lower in University of London \(External\)"](#)

BAHAGIAN C: PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PSAG

C.1 Manual Pengguna Sistem Permohonan PSAG

C.1.1 Pemohon dikehendaki merujuk manual-manual pengguna berkenaan dengan Sistem Permohonan PSAG sebelum melakukan permohonan dan pendaftaran bagi menduduki PSAG seperti yang berikut:

- (a) Manual Pengguna untuk Permohonan Baru;
- (b) Manual Pengguna untuk Permohonan Mengulang; atau
- (c) Manual Pengguna untuk Permohonan Mengulang Satu Mata Pelajaran.

C.2 Senarai dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama permohonan PSAG

C.2.1 Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan PSAG dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan secara dalam talian melalui Sistem Permohonan PSAG. Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti yang berikut:

- (a) Gambar berwarna berukuran passport;**
 - Gambar terkini yang jelas dengan latar belakang berwarna biru yang menggunakan format jpg/ jpeg/ gif/ png sahaja.
- (b) Salinan sijil kelahiran;**
- (c) Salinan sijil kewarganegaraan (jika ada);**
- (d) Salinan kad pengenalan;**
 - (i) Berwarna dan jelas dibaca;
 - (ii) Kedua-dua bahagian hadapan dan belakang dalam satu (1) muka surat sahaja; dan
 - (iii) Sekiranya pemohon membuat pertukaran nama, sila kemukakan dokumen pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara.
- (e) Salinan sijil SPM atau yang setaraf dengannya;**
 - Salinan slip keputusan peperiksaan tidak diterima.

(f) Salinan sijil STPM atau yang setaraf dengannya;

(i) Salinan slip keputusan peperiksaan tidak diterima;

(ii) Bagi pemohon yang memperoleh kelayakan Kursus Asas (*Foundation*)/Diploma/Ijazah Pertama daripada UA atau IPTS yang diiktiraf oleh Lembaga, pemohon tersebut dikehendaki memuat naik dokumen-dokumen seperti yang berikut:

(A) **Salinan sijil Kursus Asas (*Foundation*)/Diploma/Ijazah Pertama** daripada UA atau IPTS; **dan**

(B) **Salinan transkrip rasmi sijil Kursus Asas (*Foundation*)/Diploma/Ijazah Pertama** daripada UA atau IPTS (salinan slip keputusan peperiksaan tidak diterima).

(iii) Bagi pemohon yang memperoleh kelayakan Kursus Asas (*Foundation*)/Diploma/Ijazah Pertama daripada IPTS yang diiktiraf oleh Lembaga, pemohon tersebut juga dikehendaki memuat naik **salinan cetakan Akreditasi MQA sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan B.2.6.**

(g) Skrol ijazah;

➤ Sekiranya skrol ijazah belum diterima semasa permohonan PSAG dibuat, pemohon boleh mengemukakan ***Letter of Certification*** atau yang seumpamanya daripada universiti di luar negara atau universiti/kolej tempatan sebagai dokumen pengesahan lulus ijazah undang-undang. **Walau bagaimanapun, pemohon dikehendaki memuat naik salinan skrol ijazah dalam tempoh yang ditetapkan yang akan dimaklumkan kepada pemohon melalui Sistem Permohonan PSAG/e-mel.**

(h) Salinan borang/surat/e-mel permohonan penghantaran transkrip rasmi kepada pihak universiti di luar negara atau universiti/kolej tempatan;

(i) Transkrip rasmi ijazah undang-undang (transkrip rasmi);

(i) Cara penghantaran transkrip rasmi daripada universiti di luar negara atau universiti/kolej tempatan adalah seperti yang berikut:

(A) Pemohon dikehendaki menulis surat/e-mel dan memohon pihak universiti di luar negara atau universiti/kolej tempatan yang berkenaan untuk **mengirimkan transkrip rasmi dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) terus ke alamat:**

Pengarah
Peperiksaan Sijil Amalan Guaman,
Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia,
Unit 22-01, Aras 22, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

(B) Pihak universiti di luar negara juga boleh mengirimkan transkrip dalam bentuk digital ke pejabat Lembaga melalui e-mel di alamat clptranscript@lpqb.org.my. **Bagi universiti/kolej tempatan, transkrip dalam bentuk digital tidak diterima;**

(C) Pemohon yang memperoleh kelayakan ijazah undang-undang melalui Program Berkembar (*Twinning Programme*) dikehendaki menulis surat/e-mel dan memohon kedua-dua transkrip daripada kedua-dua pihak universiti di luar negara dan universiti/kolej tempatan;

(D) Pejabat Lembaga **tidak menerima** transkrip rasmi dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) atau digital yang **dikemukakan oleh pemohon sendiri atau melalui mana-mana individu yang tidak diberi kuasa** oleh pihak universiti di luar negara atau universiti/kolej tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(ii) **Maklumat yang perlu dipaparkan** dalam kedua-dua transkrip rasmi dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) atau digital adalah seperti yang berikut:

- (A) tarikh pendaftaran atau tarikh permulaan program ijazah undang-undang;
- (B) semua mata pelajaran yang telah diambil oleh pemohon;
- (C) tarikh dan butir-butir keputusan bagi setiap peperiksaan yang diambil oleh pemohon; dan
- (D) tandatangan individu yang telah diberi kuasa oleh pihak universiti/kolej berserta cop rasmi universiti/kolej tersebut (*official stamp/common seal*).

(iii) Pejabat Lembaga tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kerosakan/kehilangan transkrip rasmi tersebut semasa proses penghantaran dilakukan.

(j) Surat pengesahan daripada universiti di luar negara atau universiti tempatan yang diiktiraf oleh Lembaga mengenai penerimaan pemohon sebagai Pelajar Matang (bagi pemohon yang merupakan Pelajar Matang sahaja); dan

- Surat pengesahan itu perlu mengesahkan bahawa pemohon diterima atas dasar pemohon telah memperoleh pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebelum mendaftar ke program ijazah undang-undang.

(k) Surat pengesahan daripada majikan mengenai pengalaman bekerja pemohon yang sekurang-kurangnya lima (5) tahun (bagi pemohon yang merupakan Pelajar Matang sahaja).

- Surat Pengesahan ini ialah surat pengesahan daripada majikan yang telah dikemukakan oleh pemohon ketika membuat permohonan di universiti di luar negara atau universiti tempatan yang diiktiraf oleh Lembaga untuk mengikuti program ijazah undang-undang.

C.3 Kriteria-kriteria dokumen bagi permohonan PSAG

C.3.1 Pemohon dikehendaki memastikan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan PSAG dimuat naik dengan memenuhi kriteria-kriteria seperti yang berikut:

- (a) Saiz setiap fail dokumen tidak melebihi 2MB;
- (b) Nama fail dokumen tidak boleh mengandungi apa-apa simbol kecuali noktah (.), koma (,), titik bertindih (:), tanda kurung (*round brackets*) (()) atau garis bawah (*underscore*) (_);
- (c) Jelas untuk dilihat dan dibaca;
- (d) Menggunakan format pdf sahaja (kecuali gambar boleh menggunakan format jpg/ jpeg/ gif/ png);
- (e) Kesemua dokumen hendaklah dikemukakan dalam bentuk menegak (*vertical*);
- (f) Kesemua dokumen hendaklah diimbas (*scan*) sepenuhnya mengikut salinan asal dan **dokumen yang diambil gambar menggunakan telefon bimbit tidak diterima**; dan
- (g) Kesemua dokumen perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Ketua Jabatan dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional), Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pengetua, Guru Besar, Penghulu atau Notari Awam. **Pemohon dikehendaki memastikan pegawai yang mengesahkan dokumen tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan pemohon.** Cop Pengesahan hendaklah mengandungi maklumat seperti yang berikut:
 - (i) Salinan diakui sah ("*Certified True Copy*");
 - (ii) Nama penuh penandatangan dan jawatan;
 - (iii) Tandatangan;
 - (iv) Tarikh tandatangan;
 - (v) Tempat beramal (terpakai untuk pengesahan daripada Notari Awam sahaja); dan
 - (vi) Tarikh luput (terpakai untuk pengesahan daripada Notari Awam sahaja).

C.3.2 Mana-mana dokumen yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan dalam perenggan C.3.1 **tidak akan diterima** oleh pejabat Lembaga dan **permohonan PSAG pemohon tersebut akan ditolak.**

C.3.3 Permohonan PSAG berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada pejabat Lembaga sebelum atau pada tarikh tutup pendaftaran iaitu **31 Januari 2025** sebagaimana yang dinyatakan dalam pengumuman bertarikh 29 November 2024. **Permohonan PSAG yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan.**

BAHAGIAN D: PEMBAYARAN YURAN-YURAN PSAG

D.1 Yuran Pemprosesan

D.1.1 Pemohon dikehendaki membayar **Yuran Pemprosesan berjumlah RM250.00** secara dalam talian melalui Sistem Permohonan PSAG apabila membuat permohonan PSAG dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan.

D.1.2 Pejabat Lembaga hanya akan memproses permohonan PSAG seseorang pemohon selepas pembayaran Yuran Pemprosesan diterima.

D.1.3 Yuran Pemprosesan **tidak akan** dikembalikan sekiranya pemohon ingin membatalkan permohonan PSAG.

D.2 Yuran Pendaftaran dan Yuran Peperiksaan

D.2.1 Selepas permohonan PSAG diproses dan didapati pemohon memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian B dan Bahagian C, pejabat Lembaga akan mengemukakan **surat tawaran secara rasmi** kepada pemohon untuk menjadi calon PSAG yang akan dihantar melalui e-mel.

D.2.2 Selepas pemohon menerima surat tawaran tersebut, pemohon hendaklah membayar yuran sejumlah **RM5,800.00** yang merangkumi **Yuran Pendaftaran berjumlah RM4,000.00** (sekali sahaja pada tahun pertama) dan **Yuran Peperiksaan berjumlah RM1,800.00**. Apabila **Yuran Pendaftaran dan Yuran Peperiksaan tersebut dibayar, pemohon akan didaftarkan sebagai calon PSAG.**

- D.2.3 Calon yang ingin menduduki **peperiksaan ulangan bagi kesemua lima (5) mata pelajaran** dikehendaki membayar **Yuran Peperiksaan berjumlah RM1,800.00** untuk **setiap kali** peperiksaan ulangan yang diambil dengan syarat bilangan percubaan dan tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun masih sah. Apabila **Yuran Peperiksaan tersebut dibayar, pemohon akan didaftarkan sebagai calon mengulang PSAG.**
- D.2.4 Calon yang ingin menduduki **peperiksaan ulangan bagi satu (1) mata pelajaran** dikehendaki membayar **Yuran Peperiksaan berjumlah RM1,000.00** untuk setiap peperiksaan ulangan yang diambil dengan syarat bilangan percubaan atau tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun masih sah. **Yuran ini hanya terpakai kepada calon yang memperoleh Kelulusan Bersyarat sahaja.** Apabila **Yuran Peperiksaan tersebut dibayar, pemohon akan didaftarkan sebagai calon mengulang satu (1) mata pelajaran PSAG.**
- D.2.5 Lembaga tidak terikat untuk mendaftarkan mana-mana pemohon sebagai calon PSAG sehingga permohonan PSAG telah selesai diproses. Pemohon akan dimaklumkan secara rasmi tentang pendaftarannya sebagai calon PSAG oleh pejabat Lembaga melalui Sistem Permohonan PSAG/e-mel.
- D.2.6 Semua **yuran perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM)** secara dalam talian melalui Sistem Permohonan PSAG dalam tempoh yang telah ditetapkan. Apa-apa **lanjutan masa tidak akan dibenarkan** dan **apa-apa rayuan berhubung dengan perkara ini tidak akan dilayan.**
- D.2.7 Setiap calon yang telah mendaftar dan membuat bayaran bagi menduduki PSAG hendaklah hadir untuk menduduki peperiksaan pada hari dan masa yang telah ditetapkan.
- D.2.8 Yuran-yuran yang dibayar **TIDAK AKAN** dikembalikan sekiranya calon –
- (a) menamatkan pendaftaran PSAG;
 - (b) menarik diri daripada menduduki PSAG; atau
 - (c) tidak mengambil semua atau mana-mana mata pelajaran PSAG sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan A.3.1.

BAHAGIAN E: TEMPOH PENDAFTARAN PSAG DAN BILANGAN PERCUBAAN PSAG

- E.1.1 Sesuatu pendaftaran PSAG adalah sah untuk tempoh selama **lima (5) tahun sahaja** dan calon hanya dibenarkan menduduki PSAG sebanyak **empat (4) kali percubaan** dalam tempoh pendaftaran tersebut.
- E.1.2 Calon PSAG dikehendaki **lulus kelima-lima mata pelajaran PSAG** sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan A.3.1 bagi memperoleh kelulusan PSAG.
- E.1.3 Calon yang **gagal dalam dua (2) mata pelajaran PSAG atau lebih** akan dianggap telah **gagal PSAG pada keseluruhannya**. Calon sedemikian perlu menduduki PSAG Utama pada tahun yang berikutnya dan mengambil semula kelima-lima mata pelajaran tersebut.
- E.1.4 Jika calon masih **gagal selepas percubaan kali keempat** atau **tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun seseorang calon telah tamat, pendaftaran PSAG calon itu akan tamat mengikut mana-mana yang berlaku dahulu** dan calon itu tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula bagi menduduki PSAG.
- E.1.5 Calon yang **gagal dalam satu (1) daripada lima (5) mata pelajaran** akan diberikan **Kelulusan Bersyarat**. Calon sedemikian –
- (a) dibenarkan **menduduki PSAG Tambahan atau PSAG Utama yang berikutnya** bagi satu (1) mata pelajaran yang beliau gagal dengan syarat tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun untuk menduduki PSAG masih sah;
 - (b) dibenarkan menduduki PSAG bagi satu (1) mata pelajaran yang beliau gagal sebanyak **tiga (3) kali percubaan** dalam tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun. Jika calon masih gagal mata pelajaran tersebut selepas tiga (3) kali percubaan dalam tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun tersebut, calon dianggap **gagal PSAG pada keseluruhannya** dan tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula bagi menduduki PSAG; dan
 - (c) dikehendaki menduduki PSAG bagi satu (1) mata pelajaran yang beliau gagal itu sebanyak tiga (3) kali percubaan **secara berturut-turut semasa PSAG Tambahan atau PSAG Utama yang berikutnya**, mana-mana yang terdahulu,

jika calon tersebut memperoleh **Kelulusan Bersyarat pada tahun terakhir** dalam tempoh pendaftaran PSAG selama lima (5) tahun tersebut dan jika calon masih gagal mata pelajaran tersebut selepas tiga (3) kali percubaan, calon itu dianggap **gagal PSAG pada keseluruhannya** dan tidak lagi dibenarkan untuk mendaftar semula bagi menduduki PSAG.

- E.1.6 Setiap calon yang telah mendaftar untuk menduduki PSAG **dikehendaki hadir** untuk menduduki peperiksaan pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Calon yang **tidak hadir** untuk semua atau mana-mana bahagian peperiksaan bagi tahun tersebut akan dikira sebagai **satu (1) percubaan**.
- E.1.7 Senarai calon yang memperoleh keputusan Lulus dan Lulus Bersyarat akan dipaparkan pada papan kenyataan di pejabat Lembaga serta dalam Portal Rasmi Lembaga.
- E.1.8 Keputusan yang diperoleh oleh calon pada hari keputusan PSAG diumumkan adalah **MUKTAMAD** dan tiada rayuan atau semakan semula yang berkaitan dengan keputusan peperiksaan atau kertas jawapan dibenarkan.

BAHAGIAN F: PINDAAN

Pejabat Lembaga berhak membuat pindaan ke atas mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Syarat-Syarat Kemasukan PSAG ini dari semasa ke semasa.

ooOoo